

Lagi bukti Hang Tuah wujud, bukan sekadar mitos

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Surat tulisan Laksamana Hang Tuah kepada Maharaja Ryukyu di Jepun pada abad ke-15 yang ditemui dalam dokumen rasmi Rekidai Hoan membuktikan tokoh itu wujud dan bukan sekadar mitos semata-mata.

Menurut Profesor di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa, surat itu ditulis oleh Hang Tuah bagi pihak Sultan Melaka, Sultan Alauddin Riayat Shah.

Katanya, beliau mendapati surat yang bertarikh 11 April 1480 itu melalui kajian yang telah dilakukannya bersama Pensyarah Kanan fakulti itu, Dr. Rohaidah Kamaruddin di Ryukyu atau kini dikenali sebagai Okinawa baru-baru ini.

“Dokumen Rekidai Hoan itu dalam bahasa Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Atushu Kobata dan Mitsugu Matsada diterbitkan pada 1969. Ini bukti terbaharu dalam bentuk primer tentang kewujudan Hang Tuah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Wacana Manuskrip Melayu - Hang Tuah: Daripada Mitos Kepada Fakta Sejarah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia di Wisma Sejarah di sini hari ini.

Dalam wacana itu, Hashim



HASHIM MUSA (kanan) dan Rohaidah Kamaruddin ketika berucap dalam program Wacana Manuskrip Melayu - Hang Tuah Daripada Mitos Kepada Fakta Sejarah di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur, semalam.

menjadi pembentang kertas kerja bersama Rohaidah dan Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa dan Sastera Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr. Bazrul Bahaman pula sebagai moderator.

Seramai 150 hadirin terdiri daripada sejarawan, ahli akademik, pengkaji manuskrip lama, pengkaji bahasa dan budaya serta mahasiswa dari universiti awam tempatan hadir bagi berkongsi maklumat tersebut.

Selain dicatat dalam sejarah Jepun, Hashim turut menemui catatan yang pernah ditulis oleh Ketua Armada Portugis iaitu Alfonso de Albuquerque tentang Hang Tuah yang menambahkan lagi fakta sejarah bukti kewujudan pahlawan itu.

“Alfonso de Albuquerque dalam satu catatannya ada menyebut

Hang Tuah berada di Temasik (Singapura) ketika beliau mengetuai armada Portugis menawan Melaka pada tahun 1511. Ketika itu Hang Tuah telah pun berusia 80 tahun,” ujarnya.

Berdasarkan kajiannya bersama Rohaidah, beliau telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Hang Tuah: Catatan Okinawa* yang dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) 26 November lalu bagi membongkar serta membuktikan kewujudan Hang Tuah.

Menurut Hashim, buku itu dan kajian yang telah dijelankannya selama ini adalah bagi mencari kebenaran sekali gus mengangkat Hang Tuah sebagai ikon orang Melayu yang telah banyak berjasa kepada sejarah serta tamadun bangsa tersebut.